

## BERTEMU DAN BERTEGUR SAPA DENGAN ORANG DEWASA

Kamarul Azmi Jasmi  
Najwa Qistina Muhammad  
Nur Sabrina Melan

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

### Suggested Citation:

Jasmi, K. A., Muhammad, N. Q., & Melan, N. S. (2012). Bertemu dan Bertegur Sapa dengan Orang Dewasa in *Prosiding Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia* at Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 22 September 2012, pp. 239-261. ISBN 978-967-0194-24-0 .

### Abstrak

Biasanya apabila bertemu dengan seseorang yang dikenali, kita akan menyapa mereka. Amalan ini sebenarnya amat bagus kerana disamping dapat mengeratkan lagi silaturrahim sesama kita, kita juga akan dapat lebih mengenali mereka dengan dekat meskipun mereka telah kita kenali. Amalan ini amat bagus jika dipupuk dalam jiwa kanak-kanak supaya mereka kelihatan lebih mesra dengan orang yang mereka bertemu itu. Mereka juga akan nampak lebih sopan dan tidak dianggap sombong kerana sentiasa menyapa orang yang ditemui. Oleh itu, ibu bapa merupakan insan yang paling penting dalam mendidik anak-anak tentang cara untuk menyapa orang yang mereka jumpa terutamanya apabila bertemu dengan orang yang lebih dewasa daripada mereka. Ibu bapa harus mengajar kanak-kanak ini tentang cara yang betul untuk menyapa orang dewasa supaya kanak-kanak ini kelihatan lebih bagus dan sopan bila berhadapan dengan mereka.

# 12

## BERTEMU DAN BERTEGUR SAPA DENGAN ORANG DEWASA

Kamarul Azmi Jasmi  
Najwa Qistina Muhammad  
Nur Sabrina Melan

### Abstrak

*Biasanya apabila bertemu dengan seseorang yang dikenali, kita akan menyapa mereka. Amalan ini sebenarnya amat bagus kerana disamping dapat mengeratkan lagi silaturrahim sesama kita, kita juga akan dapat lebih mengenali mereka dengan dekat meskipun mereka telah kita kenali. Amalan ini amat bagus jika dipupuk dalam jiwa kanak-kanak supaya mereka kelihatan lebih mesra dengan orang yang mereka bertemu itu. Mereka juga akan nampak lebih sopan dan tidak dianggap sombong kerana sentiasa menyapa orang yang ditemui. Oleh itu, ibu bapa merupakan insan yang paling penting dalam mendidik anak-anak tentang cara untuk menyapa orang yang mereka jumpa terutamanya apabila bertemu dengan orang yang lebih dewasa daripada mereka. Ibu bapa harus mengajar kanak-kanak ini tentang cara yang betul untuk menyapa orang dewasa supaya kanak-kanak ini kelihatan lebih bagus dan sopan bila berhadapan dengan mereka.*

### PENGENALAN

Bertemu dan bertegur sapa sesama insan merupakan amalan yang sangat terpuji dan dituntut dalam Islam. Amalan ini dapat menjadikan hubungan sesama manusia lebih mesra dan dapat mengeratkan silaturrahim di antara satu sama lain (Azizi Yahaya, 2009: 21). Dalam hal ini, Allah S.W.T juga telah berfirman yang bermaksud:

يٰۤاَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَجِدَةٍ وَّخَلَقَ مِنْهَا  
 زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ  
 بِهِ وَالْأَرْحَامَ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

Maksud: *Wahai umat manusia, hendaklah kamu sekalian bertaqwa kepada Allah yang telah menjadikan kamu sekalian (berasal) dari kedua jenis kelamin itu, berkembang biaklah manusia di bumi ini, laki-laki dan perempuan maka hendaklah kamu takut kepada Allah yang kamu meminta-minta kepada-Nya, demikian juga dalam mengikat tali persaudaraan. Allah selalu waspada terhadap kamu sekalian.*

(Surah *al-Nisa'*, 4:1)

Amalan ini amatlah penting untuk mengelakkan diri kita menjadi orang yang sombong di mata orang sekeliling. Mungkin kita tidak menyedari akan hal itu, namun persepsi seseorang terhadap kita adalah di luar jangkauan pemikiran kita. Jadi, sebagai individu yang bergelar ibu bapa haruslah mendidik anak-anak cara untuk bertemu dan bertegur sapa dengan orang dewasa.

Anak-anak merupakan kurniaan dari Allah kepada manusia sebagai buah hati, menyejuk pandangan mata, kebanggaan orang tua, dan sekaligus sebagai perhiasan dunia serta belahan jiwa yang berjalan di muka bumi (al-Maghribi bin as-Said al-Maghribi, 2005: 86). Allah S.W.T. berfirman:

زَيْنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ  
 الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ

وَالْحَرْثِ ذَٰلِكَ مَتَاعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ

الْمَعَابِ ١٤

Maksud: *Dijadikan terasa indah dalam pandangan manusia cinta terhadap apa yang diinginkan, berupa perempuan-perempuan, anak-anak, harta benda yang bertumpuk dalam bentuk emas dan perak, kuda pilihan, haiwan ternak dan sawah lading. Itulah kesenangan hidup di dunia dan di sisi Allah lah tempat kembali yang baik.*”

(Surah Ali Imran, 2:14)

Firman Allah ini menunjukkan bahawa anak adalah salah satu kesenangan kepada manusia. Jadi ibu bapa haruslah bersyukur kepada Allah di atas nikmat kelahiran anak tersebut (Al-Maghribi bin as-Said al-Maghribi, 2005: 82). Bagi melahirkan anak-anak baik budi pekerti di masa hadapan, maka ibu bapa perlulah mendidik mereka sejak kecil lagi. Sebagaimana yang (Zakaria, 2009). Ibu bapa mencorakkannya. Jika baik corakkannya, maka cantiklah hasilnya (Ahmad Sanusi 2005: 30; Muhammad Abdul Hamid, 2004: 278). pesanan Sayidina Umar Al Khatab r.a iaitu:

عَلِّمُوا أَوْلَادَكُمْ عَلَىٰ غَيْرِ شَاكِلَتِكُمْ فَإِنَّهُمْ مَخْلُوقَاتُ لِيَمَانٍ غَيْرِ زَمَانِكُمْ.

Maksud: *Didiklah anak-anakmu bukan seperti didikan zamanmu, kerana mereka diciptakan mengikut zamannya yang bukan pada zamanmu.*

Selain itu juga, terdapat hadis yang menyatakan (al-Tirmidhi, 1994: 1875):

حَدَّثَنَا أَيُّوبُ بْنُ مُوسَىٰ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ مَا

نَحْلُ وَالِدٌ وَلَدًا مِنْ نَحْلٍ أَفْضَلُ مِنْ أَدَبٍ حَسَنٍ

Maksud: *telah menceritakan kepada kami Ayyub bin Musa dari bapaknya dari kakeknya bahwa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Tidak ada suatu pemberian seorang ayah kepada anaknya yang lebih utama daripada adab (akhlak) yang baik."*

*(Al-Tirmidhi).*

Bagi melahirkan anak-anak yang baik akhlaknya apabila dewasa, maka mulalah mendidik mereka dengan cara yang betul. Ajarlah mereka untuk lebih sopan ketika bertemu orang dewasa dan cara yang betul untuk bertegur sapa dengan orang dewasa sesuai dengan kedudukan seseorang. Ibn 'Abbas berkata (Abu Suja', 1986: 398/1):

أُمِرْتُ أَنْ نَكَلِّمَ النَّاسَ عَلَى قَدْرِ عُقُولِهِمْ

Maksud: *perlakukanlah manusia itu sesuai dengan kedudukannya.*

Maka, tidak wajarlah jika ibu bapa melepaskan tanggungjawab tersebut dalam hal mendidik kerana anak-anak adalah cermin bagi sikap kedua orang tuanya. Jika salah didikan ibu bapa, sudah tentulah anak-anak tersebut tidak menjadi seseorang yang boleh mendatangkan kebahagiaan kepada kedua-dua orang tuanya sendiri.

## **AJARAN UNTUK KANAK-KANAK APABILA BERTEMU ORANG DEWASA**

Cara untuk kanak-kanak bertemu orang dewasa haruslah dipupuk dari peringkat awal lagi. Terdapat beberapa cara iaitu menerima tetamu, menghantar tetamu pulang, berjabat tangan, reaksi ketika bertemu, interaksi mata, dan penggunaan panggilan yang sesuai.

### **Menerima Tetamu**

Tetamu adalah orang yang berkunjung atau menziarahi orang lain sama ada dijemput ataupun tidak dijemput. Menerima dan melayan tetamu merupakan sikap dan amalan yang amat digalakkan. Salah satu cara untuk melihat keimanan dan kemulian seseorang adalah dengan cara mereka menerima dan melayan tetamu.

Apabila tetamu mula memasuki rumah, maka sebagai tuan rumah kita haruslah berdiri dan menyambut kedatangan tetamu (Lauri Berkenkamp, 2001: 64). Kedatangan tetamu haruslah disambut dengan ikhlas. Keikhlasan yang terpacar di wajah tuan rumah akan membuatkan tetamu selesa dan gembira.

Ibu bapa seharusnya mendidik anak-anak untuk mengalukan kedatangan tetamu ke rumah serta memaniskan muka bila menyambut tetamu dan menerima tetamu dengan hati yang terbuka. Ini untuk mengelakkan para tetamu segan dan berkecil hati.

Kita tidak boleh menolak kemungkinan bahawa ada kanak-kanak yang pemalu. Jika terdapat kanak-kanak seperti ini, maka sebagai ibu bapa janganlah terlalu memaksa kerana dikhuatiri mereka akan meragam dan tidak mahu menerima tetamu pada masa yang akan datang. Terimalah cara mereka buat kali pertama dan ibu bapa harus memainkan peranan untuk terus mendidik mereka untuk meningkatkan keyakinan mereka apabila bertemu dengan tetamu (Lauri Berkenkamp, 2001: 63).

Selain itu, kanak-kanak haruslah bersalaman dengan tetamu atau sekurang-kurangnya mengucapkan salam atau bertanya khabar. Dan ajarlah kanak-kanak tersebut untuk menghentikan seketika aktiviti mereka ketika itu untuk menyambut tetamu. Dengan ini, mereka akan lebih menghormati tetamu. Ketika berbual-bual dengan tetamu bersama kanak-kanak, jadikanlah perbualan itu lebih singkat supaya mereka tidak mudah berasa bosan. Pemilihan topik ketika berbual-bual dengan kehadiran kanak-kanak tersebut haruslah bersesuaian supaya kanak-kanak berasa lebih selesa untuk

menyertai perbualan tersebut. Jadikan topik perbualan itu sesuatu yang boleh menarik perhatian mereka."

Ibu bapa juga haruslah mengajar kanak-kanak cara untuk menerima dan menyambut tetamu yang datang ke rumah. Kita haruslah sentiasa ikhlas menyambut kunjungan tetamu. Sentiasa bangga memperkenalkan tetamu yang berkunjung kepada semua ahli keluarga dan tetamu yang lain. Contohnya, sekiranya ada majlis atau jamuan, kita tidak membeza-bezakan tetamu yang hadir seperti tempat duduk yang istimewa untuk orang kaya. Layanan yang penuh kemesraan dan kehormatan serta senyuman yang sentiasa terukir di bibir akan membuatkan para tetamu selesa. Tambahan lagi, kita haruslah menjaga percakapan seperti mengeluarkan kata-kata yang sedap didengar untuk mengelakkan tetamu berkecil hati dengan tuan rumah. Satu hadis menukilkan (al-Bukhari, 1994: 5671; Muslim, 2001: 67):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ قَالَ مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا أَوْ لِيصْمُتْ وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمِ جَارَهُ وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمِ ضَيْفَهُ

Maksud: *Abu Hurairah dari Rasulullah s.a.w., beliau bersabda: "Barangsiapa beriman kepada Allah dan hari akhir, maka hendaklah dia mengucapkan perkataan yang baik atau diam. Dan barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhir maka hendaklah dia memuliakan tetangganya. Dan barangsiapa beriman kepada Allah dan hari akhir maka hendaklah dia memuliakan tamunya."*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Ibu bapa juga haruslah mengajar kanak-kanak untuk menghormati dan memberi layanan yang baik kepada tetamu. Sebagai contoh, Nabi Muhammad s.a.w. melayan tetamu yang datang melawat

baginda dengan sendirinya. Selain itu, baginda menjamu tetamu dan mempelawa tetamunya untuk mengambil makanan dan makan dengan banyak. Rasulullah s.a.w. juga ada nerpesan supaya makan bersama tetamu kerana tetamu malu untuk makan bersendirian.

Jika kita tidak beradab dengan tetamu, maka akan berlakulah perkara-perkara yang tidak disukai dalam Islam. Maka, sebagai ibu bapa wajib bagi mereka untuk mendidik kanak-kanak dengan cara yang betul ketika menerima tetamu di rumah mereka. Dengan adanya didikan seperti ini, kanak-kanak akan dapat menonjolkan lagi kesopanan mereka di mata tetamu, lebih-lebih lagi tetamu dewasa. Antaranya ialah akan menimbulkan perbalahan dan perpecahan antara masyarakat. Di samping itu, tetamu akan berasa dihina dan tidak dihormati. Tambahan lagi, agama Islam akan dipandang serong oleh orang bukan Islam dan sekaligus menjauhkan orang bukan Islam daripada mendekati dan memahami Islam.

### Menghantar Tetamu Pulang

Apabila tetamu mula meminta diri untuk pulang, sebagai tuan rumah, kita haruslah menghantar tetamu ke muka pintu sebagai langkah menghormati mereka. Hal ini dijelaskan dalam satu hadis (Ibn Majah, t.t.: 3349):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِنَّ مِنَ السُّنَّةِ أَنْ يَخْرُجَ  
الرَّجُلُ مَعَ ضَيْفِهِ إِلَى بَابِ الدَّارِ

Maksud: *Abu Hurairah dia berkata, "Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya termasuk dari perkara yang sunnah adalah seseorang keluar bersama tamunya sampai ke pintu rumah."*

(Ibn Majah)

Selain itu juga, iringilah perpisahan tersebut dengan saling doa-mendoakan di antara satu sama lain. Adalah lebih baik jika



kita mempelawa tetamu agar berkunjung lagi ke rumah untuk menunjukkan bahawa kita gembira dengan kedatangan mereka. Seelok-eloknya kita juga menyatakan bahawa kita senang dengan kedatangan mereka dengan harapan agar dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim.

Di samping itu, ajarlah kanak-kanak untuk bersalaman dengan tetamu apabila mereka ingin beredar. Ini kerana, galakan memberi salam tidak sahaja kepada orang yang berjumpa atau baru hadir ke majlis. Orang yang ingin beredar juga digalakkan memberi salam kepada orang lain. Ini ditunjukkan dalam Hadis Nabi Muhammad yang direkodkan oleh Abu Daud iaitu, daripada Abu Hurairah melaporkan Rasulullah berkata (Abu Dawud, 1994: 4524):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ إِذَا لَقِيَ أَحَدَكُمْ أَخَاهُ فَلْيُسَلِّمْ عَلَيْهِ فَإِنْ حَالَتَ  
بَيْنَهُمَا شَجَرَةٌ أَوْ جِدَارٌ أَوْ حَجْرٌ تَمَّ لِقَاؤُهُ فَلْيُسَلِّمْ عَلَيْهِ أَيْضًا

Maksud: *Hurairah ia berkata, "Apabila sudah seorang daripada kamu sampai ke suatu majlis, perlu ia memberi salam. Sekiranya ia ingin beredar, perlu ia memberi salam. Tidaklah salam yang pertama (orang yang datang) itu lebih wajar daripada salam kedua (ketika mahu beredar).*

(Abu Dawud)

Maka, sebagai orang dewasa seharusnya kita memberi contoh terbaik kepada kanak-kanak seperti memberi salam ini. Hal ini demikian, amalan terpuji ini telah lama wujud semenjak zaman Rasulullah s.a.w. dan kita seharusnya mengekalkan dan memupuk amalan terpuji ini dalam jiwa generasi baru supaya mereka tidak lupa akan hal ini seterusnya akan mengamalkannya selalu.

### **Berjabat Tangan**

Berjabat tangan merupakan salah satu amalan yang murni ketika bertemu (Aziz Yahaya, 2009: 25) Jadi ibu bapa haruslah melakukan

hal tersebut iaitu bersalaman apabila bertemu untuk menunjukkan contoh yang baik kepada kanak-kanak. Secara tak langsung, kanak-kanak akan melakukan perkara yang sama apabila melihat ibu bapa mereka melakukan hal tersebut. Perkara ini akan mempercepatkan lagi proses pembelajaran kanak-kanak untuk menghormati orang dewasa. Dengan berjabat tangan juga dapat diampuni dosa bagi kedua-dua individu yang bersalaman (Al-Qarni, 2006: 35; Abdul Fatah Zakaria, 2009: 147). Ini dinyatakan melalui hadis daripada Abu Daud r.a dan juga dari sabda Rasulullah s.a.w. yang menyatakan bahawa (al-Tirmidhi, 1994: 2651):

عَنْ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ مَا مِنْ مُسْلِمَيْنِ يَلْتَقِيَانِ  
فَيَتَصَافَحَانِ إِلَّا غُفِرَ لَهُمَا قَبْلَ أَنْ يَفْتَرِقَا

Maksud: *Al-Barra` bin 'Azib ia berkata; Rasulullah s.a.w. bersabda: "Tidak ada dua orang Muslim yang bertemu kemudian bersalam, melainkan diampuni dosa untuk sebelum berpisah."*

(*Al-Tirmidhi*)

Daripada hadis dan sabda tersebut, ini menerangkan bahawa apabila dua orang muslim yang berjumpa lalu bersalaman, maka Allah akan mengampuni dosa sebelum mereka berpisah.

Sebaiknya, ajarlah kanak-kanak untuk memulakan huluhan salam itu supaya kelihatan lebih sopan. Dengan cara tersebut, orang dewasa akan merasa dihormati malah akan mengagumi akan adab sopan yang dimiliki oleh kanak-kanak tersebut. Sebaiknya jangan sampai orang yang lebih dewasa menghulurkan tangan dahulu. Tidakkah anda berasa bangga apabila orang sekeliling memandang anak anda dengan perasaan kagum? Sudah semestinya kaum ibu bapa mahukan anak-anak yang bersopan-santun. Maka, wajarlah kita sebagai ibu bapa untuk mendidik kanak-kanak dengan sebaik mungkin.

### Reaksi Ketika Bertemu

Kebiasaan apabila kanak-kanak bertemu dengan orang yang lebih dewasa dan amat dikenalnya, mereka akan saling berpelukan kerana mereka akan berasa lebih dekat dan mesra. Walaubagaimanapun ada sesetengah kanak-kanak yang meningkat remaja tidak selesa apabila dipeluk. Perkembangan emosi ketika mula memasuki awal remaja selari dengan perkembangan fizikalnya dan emosi mereka ketika ini lebih terkawal. Maka ibu bapa haruslah tahu untuk memainkan peranan mereka dalam mengajar anak-anak (Arieff Salleh Rosman, 2005: 76).

Dalam Islam juga tidak menggalakkan cara pertemuan sebegini apabila kanak-kanak itu semakin meningkat remaja. Lebih-lebih lagi dengan yang bukan mahram. Kita boleh menggantikannya dengan cara lain seperti yang dilakukan oleh Nabi Idris kepada Nabi Muhammad s.a.w. dalam peristiwa Mikraj (Muslim, 2001234):

ثُمَّ عَرَجَ بِنَا إِلَى السَّمَاءِ الرَّابِعَةِ فَاسْتَفْتَحَ جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ قَيْلَ  
 مِنْ هَذَا قَالَ جِبْرِيلُ قَيْلَ وَمَنْ مَعَكَ قَالَ مُحَمَّدٌ قَالَ وَقَدْ بَعَثَ إِلَيْهِ  
 قَالَ قَدْ بَعَثَ إِلَيْهِ فَفُتِحَ لَنَا فَإِذَا أَنَا بِإِدْرِيسَ فَرَحَّبَ وَدَعَا لِي بِخَيْرٍ

Maksud: *Aku dibawa lagi naik ke langit keempat. Jibril pun meminta supaya dibukakan pintu. Kedengaran suara bertanya lagi, 'Siapakah kamu?' Jibril menjawab, 'Jibril'. Jibril ditanya lagi, 'Siapakah bersamamu?' Jibril menjawab, 'Muhammad'. Jibril ditanya lagi, 'Apakah dia telah diutuskan?' Jibril menjawab, 'Ya, dia telah diutuskan'. Pintu pun dibukakan kepada kami. Tiba-tiba aku bertemu dengan Nabi Idris Alaihis Salam, dia terus menyambutku dan mendoakan aku dengan kebaikan.*

(Muslim)

Sebaik-baik ibu bapa mengajar anak-anak terlebih dahulu memberi salam kepada orang dewasa sebagai tanda hormat kerana

mereka yang mendahulukan salam adalah lebih baik daripada yang menjawab salam. Hal ini ditegaskan Rasulullah dalam satu hadis (Abu Dawud, 1994: 4522):

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِنَّ أَوْلَى النَّاسِ بِاللَّهِ مَنْ  
بَدَأَهُمْ بِالسَّلَامِ

Maksud: *Abu Umamah ia berkata, "Rasulullah s.a.w. bersabda: "Orang yang paling utama di sisi Allah adalah orang yang memulai dalam mengucapkan salam."*

(Abu Dawud)

Amalan ini dapat melahirkan generasi muda yang sopan dan beradab. Selain itu, panduan yang kedudukan orang yang memberi salam adalah sebagaimana hadis ini (al-Bukhari, 1994: 5765; Muslim, 2001: 4019):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ أَنَّهُ قَالَ يَسْلِمُ الرَّكَّابُ  
عَلَى الْمَاشِي وَالْمَاشِي عَلَى الْقَاعِدِ وَالْقَاعِدُ عَلَى الْكَثِيرِ

Maksud: *Abu Hurairah radliallahu 'anhu dari Rasulullah s.a.w. beliau bersabda: "Hendaknya orang yang berkendara memberi salam kepada yang berjalan, dan yang berjalan kepada yang duduk dan (rombongan) yang sedikit kepada (rombongan) yang banyak."*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Ucapan memberi salam ini lebih diutamakan kepada orang yang beragama Islam. Ini dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dan ukhwah antara umat. Lebih-lebih lagi, amalan tersebut adalah salah satu amalan Rasulullah s.a.w. dan para sahabat. Dalam sebuah

hadis yang diriwayatkan oleh al Imam Abu Daud, Nabi Muhammad bersabda (Abu Dawud, 1994: 4524),

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ إِذَا لَقِيَ أَحَدُكُمْ أَخَاهُ فَلْيُسَلِّمْ عَلَيْهِ

Maksud: *Daripada Abu Hurairah katanya: Apabila kamu bertemu dengan saudara kamu (sesama Islam) berilah salam keatasnya.*"

(Abu Dawud)

Selain itu, terdapat juga hadis Nabi Muhammad yang menjelaskan bahawa kita dilarang untuk memberi salam kepada orang bukan Islam. Jadi apabila bertemu orang dewasa yang bukan Islam, ibu bapa bolehlah mengajar kanak-kanak menggantikan salam dengan cara bertanya khabar ataupun menyapa seperti 'hai,auntie' ataupun 'hello,uncle' dengan senyuman yang manis kerana dengan cara ini sudah memadai untuk mereka. Sebuah hadis menjelaskan (Muslim, 2005: 4030):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ لَا تَبْدُءُوا الْيَهُودَ وَلَا النَّصَارَى بِالسَّلَامِ فَإِذَا لَقِيتُمْ أَحَدَهُمْ فِي طَرِيقٍ فَاضْطَرُّوهُ إِلَى أَضْيَقِهِ

Maksud: *Abu Hurairah bahwa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Janganlah kalian mendahului orang-orang Yahudi dan Nasrani memberi salam. Apabila kalian berpapasan dengan salah seorang di antara mereka di jalan, maka desaklah dia ke jalan yang paling sempit."*

(Muslim)

Meskipun memberi salam tidak dibolehkan kepada yang bukan Islam, namun kanak-kanak itu tetap wajib untuk menghormati

orang yang lebih dewasa kerana Islam sendiri tidak pernah membezakan agama dalam hal menghormati orang tua. Di sini sudah menunjukkan betapa indahnya Islam untuk seluruh makhluk Allah S.W.T. Di samping itu, kita juga dapat melihat Islam ini sebagai satu sistem yang mendirikan hubungan internasional atas dasar pendamaian dan kasih sayang. Islam berlaku adil terhadap semua orang dan tidak menyakiti serta memerangi kecuali bagi mereka yang melampaui batas, berbuat binasa dan aniyai (Abdul Hamid Othman, 2000:34-35).

### **Interaksi Mata**

Interaksi mata amatlah penting ketika berkomunikasi dengan seseorang. Oleh itu, ketika bercakap dengan orang lain, kita seharusnya melakukan interaksi mata dengan baik seperti memandang tepat kepada orang yang berbicara. Sebagai ibu bapa dan orang yang lebih dewasa, kita seharusnya mengajar kanak-kanak untuk memandang mata orang yang sedang berbicara terutamanya apabila bersama orang yang lebih dewasa daripada mereka. Apabila cara ini dipraktikkan, perbualan ini akan menjadi lebih berkesan (Lauri Berkenkamp, 2001: 62).

Ajarlah kanak-kanak untuk lebih menumpukan terhadap sesuatu perbualan yang sedang berlaku supaya tidak ada sebarang salah faham yang berlaku. Interaksi mata ini sangat penting kerana ia mempunyai pelbagai fungsi. Dengan melakukan interaksi mata kanak-kanak ini akan diajar tentang cara bagaimana untuk menjaga minat dan perhatian ketika orang lain sedang bercakap. Di samping itu, interaksi mata juga dapat memberi gambaran tentang perhubungan yang dimiliki oleh seseorang. Oleh itu, ajarlah kanak-kanak untuk sentiasa melakukan interaksi mata dengan orang yang sedang dewasa supaya kelihatan lebih baik dan sopan. Menurut kajian, apabila kita memandang seseorang itu sebanyak 60 peratus ketika mereka sedang bercakap, itu menandakan bahawa kita lebih berminat dengan orangnya daripada apa yang cuba disampaikan (Abdullah Hassan, 2007: 207).

Dengan memandang tepat ke arah mata orang yang sedang berbicara, kita juga akan menjadi lebih faham akan sesuatu yang ingin disampaikan oleh seseorang itu. Cara ini lebih menunjukkan bahawa kanak-kanak itu lebih menghormati orang yang sedang berbicara dan dapat mengelakkan orang dewasa berkecil hati seterusnya menganggap kanak-kanak tersebut tidak berlaku sopan. Terdapat satu hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan juga Imam al-Hakim bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud (al-Tarmidhi, 1994: 1842):

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ جَاءَ شَيْخٌ يُرِيدُ النَّبِيَّ ﷺ فَأَبْطَأَ الْقَوْمَ عَنْهُ أَنْ يَوْسِعُوا لَهُ فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَرْحَمْ صَغِيرَنَا وَيُوقِرْ كَبِيرَنَا.

Maksud: *Daripada Anas b. Malik r.a. katanya, "Seorang tua datang dengan maksud berjumpa Nabi s.a.w. Lalu orang ramai melambatkan memberi jalan terhadap orang tua itu. (Melihatkan keadaan ini) lalu Nabi s.a.w. bersabda, "Bukan daripada ajaran kami sesiapa yang tidak menyayangi anak-anak kami dan tidak menghormati warga emas kami."*

(Al-Tirmidhi)

Ketika melakukan interaksi mata, riak air muka juga perlu dijaga kerana melalui riak muka juga kita akan mengetahui akan benar atau tidak apa yang sedang diperkatakan dan riak muka yang masam akan menjadi penghalang dalam berkomunikasi (Zulkiple Abd. Ghani, 2001: 42).

Oleh itu, ajarlah kanak-kanak dengan cara interaksi mata yang baik supaya perhubungan mereka sesama orang dewasa menjadi lebih baik, aman, damai dan harmonis di samping dapat mewujudkan suasana yang lebih mesra.

### **Panggilan Yang Sesuai**

Perhubungan kita dengan orang lain akan menentukan bagaimana kanak-kanak akan mengenali mereka dengan nama panggilan.

Oleh itu, gunakanlah panggilan yang sesuai ketika berbicara di hadapan kanak-kanak ataupun kenalkan mereka dengan panggilan yang sesuai. Jika kita kurang mengenali seseorang itu, maka eloklah jika dia diperkenalkan dengan panggilan yang lebih formal kepada kanak-kanak seperti Encik Muhammad atau Puan Rohanizah. Cara ini menunjukkan betapa kanak-kanak ini menghormati mereka (Lauri Berkenkamp, 2001: 60).

Harus diingatkan juga bagaimana kamu merujuk seseorang dewasa itu dihadapan kanak-kanak yang lain. Maka, jagalah percakapan kita di hadapan kanak-kanak. Jika ingin menggunakan nama samaran yang hanya diketahui dikalangan kita sahaja, gunakanlah sewaktu ketiadaan mereka supaya kanak-kanak tidak memanggil mereka dengan panggilan yang tidak sepatutnya mereka gunakan seterusnya menampakkan ketidaksopanan mereka terhadap orang yang lebih tua.

Terdapat kisah tentang tibanya Rasulullah s.a.w. ke kota Madinah ketika hijrah, baginda mendapati masyarakat di kota Madinah menggunakan panggilan dengan gelaran dalam pergaulan seharian walaupun mereka mempunyai nama asli masing-masing. Oleh kerana gelaran tersebut datangnya daripada unsur-unsur negatif, maka seringkali perbalahan dan kekecohan berlaku. Dan pada ketika itulah turunya ayat yang mewahyukan kepada Rasulullah (Abdul Aziz Ismail, 2004: 243-244). FirmanNya yang bermaksud,

وَلَا تَنَابَرُوا بِلَأَلِقَابٍ

Maksud: "Janganlah kamu memanggil seseorang dengan gelaran yang mengandungi ejekan."

(Surah *al-Hujerat*, 49:11)

Untuk lebih selamat, eloklah jika nama samaran itu tidak diwujudkan untuk mengelakkan kejadian tersasul di hadapan mereka. Jika mereka menggunakan panggilan tersebut, maka siapakah yang



akan dipersalahkan? Sudah tentulah ibu bapa yang akan dipersalahkan dalam hal ini.

## **CARA PENGAJARAN YANG BERKESAN**

Bagi membolehkan kanak-kanak belajar dengan cepat dan pantas, ibu bapa haruslah melakukan pengajaran yang paling berkesan. Antaranya ialah tunjukkan contoh yang baik, elak menjangkakan sesuatu, sediakan satu permainan yang menarik, sentiasa membawa kanak-kanak berjumpa dengan orang yang kurang dikenali dan didik melalui kebiasaan anak dalam melakukan sesuatu.

### **Tunjukkan Contoh Yang Baik**

Bagi memastikan pengajaran ibu bapa kepada anak-anak tentang cara bertegur sapa dengan orang dewasa ini lebih berkesan, ibu bapa haruslah menunjukkan sesuatu contoh yang baik untuk anak-anak. Sebagai contoh, ibu bapa mestilah menegur atau bertegur sapa dengan masyarakat dengan cara yang sopan dan baik. Jika anak-anak melihat ibu bapa mereka menegur dan bertegur sapa dengan baik, maka mereka juga akan mencontohi ibu bapa mereka. Selain itu, ibu bapa juga boleh menggunakan medium lain seperti menunjukkan video cerita atau kisah-kisah yang menunjukkan budi pekerti yang baik kepada anak-anak. Kawallah kanak-kanak ketika mereka ingin menonton televisyen kerana mereka lebih mudah terpengaruh dengan apa yang ditonton dalam kehidupan sehariannya. Selain itu, bahan bacaan juga boleh membantu ibu bapa dalam mendidik kanak-kanak ini. Pilihlah bahan bacaan yang sesuai untuk mereka. Selain dapat mengajar mereka akan kesopanan, amalan ini juga dapat memupuk sifat rajin membaca dalam diri kanak-kanak. Jadi, ibu bapa haruslah mencegah anak-anak daripada terjebak dengan perkara yang boleh meruntuhkan nilai moral dan akhlak mereka.

### Elak Menjangkakan Sesuatu

Dalam mendidik anak-anak yang masih kecil, ibu bapa haruslah rajin bersama anak-anak di dalam apa jua situasi dan keadaan. Apabila mengajar anak-anak, ibu bapa seharusnya tidak meletakkan harapan bahawa anak-anak dapat menerima dengan pantas apa yang diajar dan dapat mempraktikkan dalam jangka masa yang pendek. Hal ini demikian kerana, anak-anak yang kecil memerlukan masa untuk memahami perkara tersebut. Hal ini demikian juga bagi mengelakkan ibu bapa berasa kecewa kerana perkara yang diharapkan tidak menjadi. Sebaiknya, teruskan mengajar anak-anak dengan kesabaran yang tinggi dan berterusan sehingga mereka dapat mempraktikkan perkara yang diajar. Jangan menggunakan kekerasan dalam mendidik kanak-kanak kerana dikhuatiri mereka akan memberontak seterusnya merumitkan lagi keadaan untuk mengajar mereka (Lauri Berkenkamp, 2001: 63). Selain itu, ibu bapa hendaklah selalu berdoa untuk anak-anak. Sebagai contoh, ibu bapa boleh mendoakan agar anak-anak dapat belajar dengan cepat apa yang diajar dan dapat mempraktikkan dengan baik (Al-Maghribi bin as-Said al-Maghribi, 2005:162). Hal ini demikian kerana, Allah berfirman,

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ  
الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ

Maksud: *Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu tentang Aku, maka (jawablah), bahawasanya Aku adalah dekat. Aku mengabulkan permohonan orang yang mendoa apabila ia berdoa kepadaku.*

(Surah al-Baqarah, 2:186)

Firman ini menunjukkan bahawa Allah S.W.T. akan memakbulkan doa-doa hambanya. Tambahan lagi doa dari ibu bapa untuk anak-anak. Rasulullah s.a.w. juga bersabda (Abu Dawud, 1994: 1309),

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ لَا تَدْعُوا عَلَى أَنْفُسِكُمْ وَلَا تَدْعُوا عَلَى أَوْلَادِكُمْ وَلَا تَدْعُوا عَلَى خَدَمِكُمْ وَلَا تَدْعُوا عَلَى أَمْوَالِكُمْ لَا تُوَافِقُوا مِنْ اللَّهِ تَبَارَكَ وَتَعَالَى سَاعَةَ نَيْلِ فِيهَا عَطَاءٌ فَيَسْتَجِيبُ لَكُمْ

Maksud: *Jabir bin Abdullah, ia berkata; Rasulullah s.a.w. bersabda: "Janganlah kalian mendo'akan kecelakaan atas diri kalian, janganlah kalian mendo'akan kecelakaan bagi anak-anak kalian, dan janganlah kalian mendo'akan kecelakaan atas pembantu kalian, dan janganlah kalian mendo'akan kecelakaan atas harta kalian, jangan sampai kalian berdoa tepat saat diperolehnya pemberian sehingga Allah mengabulkan do'a kalian.*

(Abu Dawud)

Rasulullah mendorong kita agar selalu berdoa untuk kebaikan anak, kerana doa akan menambahkan keberkatan dan kebaikan kepada anak (Al-Maghribi bin as-Said al-Maghribi, 2005: 163).

### **Sediakan Satu Permainan Menarik**

Menyediakan satu permainan yang menarik adalah salah satu cara bagi menjadikan pengajaran menjadi lebih berkesan dan menyeronokkan. Seeloknya gunakanlah waktu yang lapang untuk melakukan permainan ini. Waktu bermain kanak-kanak ini eloklah jika diisi dengan permainan yang bermanfaat seperti mengajar kanak-kanak cara untuk bertemu dan menyapa orang dewasa. Dalam islam sendiri menyuruh kita menyibukkan waktu senggang kita dengan kebaikan dan dengan sesuatu yang boleh mengembalikan para pemuda dan umat islam kepada kebaikan yang mana tidak

menyebabkan kesesatan. Rasulullah s.a.w. sendiri pernah bersabda tentang bahayanya waktu kosong jika tidak digunakan sebaiknya. Sabdanya (al-Bukhari, 1994: 5933),

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ النَّبِيُّ ﷺ نِعْمَتَانِ  
مَعْبُونٌ فِيهِمَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ الصَّحَّةُ وَالْفَرَاغُ

Maksud: *Ibnu Abbas radliallahu 'anhuma dia berkata; Nabi s.a.w. bersabda: "Dua kenikmatan yang sering dilupakan oleh kebanyakan manusia adalah kesehatan dan waktu luang."*

(Al-Bukhari)

Maka sebagai orang tua yang bertanggungjawab mendidik anak-anak, ibu bapa seharusnya tahu untuk menguruskan masa anak-anak mereka dengan mengisi masa kanak-kanak tersebut dengan sesuatu yang berfaedah (al-Maghribi bin as-Said al-Maghribi, 2005: 380-382).

Dengan menyediakan permainan, kanak-kanak akan lebih suka untuk mempelajari sesuatu kerana ia tidak membosankan dan permainan dapat membuatkan kanak-kanak berasa lebih gembira di samping mendapat ilmu yang ingin disampaikan. Ibu bapa boleh mempelbagaikan permainan untuk dipraktikkan bersama anak-anak. Contohnya, ibu bapa boleh mengadakan pertandingan di antara anak-anak untuk menerima tetamu. Jadi ibu bapa bolehlah berlakon untuk menjadi tetamu dan suruhlah anak-anak menunjukkan cara mereka menerima tetamu. Jika ada diantara mereka yang menunjukkan cara yang paling bagus, maka eloklah jika dia dinobatkan sebagai pemenang dalam pertandingan tersebut dan denda mereka yang kalah. Denda tersebut tidak perlulah berat, tetapi sekadar memberi peringatan bagi mereka. Untuk yang menang pula berilah ganjaran yang sesuai bagi

meningkatkan lagi motivasi dalam diri kanak-kanak di samping memupuk sikap suka untuk belajar (Lauri Berkenkamp, 2001: 67).

### **Sentiasa Membawa Anak-anak Berjumpa dengan Orang yang Kurang Dikenali**

Ketika mengajar kanak-kanak tentang cara bertemu dengan orang dewasa, sebaiknya jika ibu bapa sentiasa membawa mereka dengan orang yang kurang dikenali. Dengan cara ini, mereka akan lebih cepat belajar dan dapat mempraktikkan apa yang diajar dengan mudah kerana selalu diasuh. Jika mereka dibawa berjumpa dengan orang yang sudah mereka kenali cara teguran mereka mungkin berlainan kerana sudah saling mengenali. Oleh itu, sentiasalah bawa anak-anak anda bertemu dengan saudara-mara dan kenalan anda. Hal ini dapat memperbaiki lagi cara mereka bertegur sapa dengan orang yang lebih dewasa. Apabila mereka selalu dibawa berjumpa dengan orang dewasa tersebut, kanak-kanak tersebut pastinya akan menjadi lebih mengenali mereka. Makin ramai orang dewasa yang mereka jumpa makin mudahlah kanak-kanak tersebut belajar cara untuk bertegur sapa dengan orang dewasa dengan lebih bagus (Lauri Berkemkamp, 2001:72).

### **Didik Melalui Kebiasaan Anak dalam Melakukan Sesuatu**

Untuk mengajar kanak-kanak melakukan sesuatu, ibu bapa seharusnya membiasakan mereka terlebih dahulu. Maksudnya di sini, apabila kanak-kanak itu sudah terbiasa dengan sesuatu, maka mereka akan jadi lebih mudah mengikutinya. Oleh itu, apabila kita mengajar mereka, seharusnya kita meneruskan apa yang diajar itu secara berterusan supaya mereka menjadi lebih terbiasa. Seperti dalam kes ini, apabila kita mengajar mereka bagaimana etikanya apabila berhadapan dengan orang dewasa secara berterusan, maka mereka akan mudah untuk mengingati apa yang harus mereka lakukan apabila berhadapan dengan orang dewasa dan akan mempraktikkannya

selalu. Apabila mereka diajar sekali lalu sahaja atau dengan kata lain, acuh tak acuh boleh jadi perkara ini akan menjadi sedikit janggal bagi mereka yang masih muda dan baru belajar ini. Jadi, ajarlah kanak-kanak sesuatu yang bermanfaat secara berterusan supaya mereka terbiasa dengan perkara yang bermanfaat tersebut. Apabila kebiasaan ini menjadi amal jama'i maka ia akan terus menerus selagi perkara itu adalah kebiasaan yang benar dan sesuai dengan syara' dan bukan bid'ah, kerana setiap bid'ah adalah sesat dan setiap kesesatan tempatnya adalah di neraka (al-Maghribi bin as-Said al-Maghribi, 2005: 379-380).

## **RUMUSAN**

Apa yang dapat kita simpulkan mengenai tajuk yang dibincangkan ini, pendidikan awal kanak-kanak mengenai cara untuk bertegur sapa dengan orang yang lebih dewasa adalah amat penting. Hal ini demikian, kanak-kanak dapat melalui proses pembelajaran dengan cepat dan bagus ketika berada pada tahap ini. Dengan pengajaran yang diberikan oleh ibu bapa, kanak-kanak akan menjadi lebih beretika dalam melakukan sesuatu, terutamanya apabila melibatkan orang dewasa yang bersama mereka. Mereka akan jadi lebih menghormati orang dewasa di samping kemesraan akan terjalin antara mereka. Apabila seseorang kanak-kanak itu mula menghormati orang tua maka tidak mustahil dia akan disayangi oleh semua orang di sekelilingnya kerana kesopanan yang ditunjukkan olehnya. Oleh itu, semua ibu bapa haruslah memupuk semangat kesopanan yang tinggi di dalam diri dan jiwa kanak-kanak kerana mereka adalah generasi bangsa yang akan menerajui negara pada masa akan datang yang mana merekalah yang akan memegang tampuk kepimpinan di negara ini. Dengan adanya mereka yang cantik pekertinya maka akan wujudlah negara yang majunya kerana pemimpinnya yang berakhlak mulia. Jika elok budi pekerti masyarakatnya, maka harmonislah negara yang dipimpinnya.

## **RUJUKAN**

- Abd Ghani, Z. (2001). *Islam, Komunikasi Dan Teknologi Maklumat*. Selangor: Dasar Cetak Sdn. Bhd.
- Abu Dawud, al-Imam Abu Dawud Sulaiman b. al-Ash'ath al-Sajastani. 1994. *Sunan Abi Daud*. Jil. 1-2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abu Suja' Shirawaihi bin Shahadar bin Shrawaihi al-Dailami al-Hamdhani. 1986. *Al-Firdaus bi Ma'thur al-Khitab*. Jld. 1-4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ahmad b. Hambal, al-Imam Abu 'Abdullah ibn Muhammad ibn Hambal ibn Hilal al-Shaibani. 1994. *Musnad li al-Imam Ahmad ibn Hambal*. Juz. 1-12. Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Al-Bukhari, al-Imam. 1994. *Sabih Al-Bukhari*. (Tahqiq: Shaikh Abd al-Aziz 'Abdullah). Jil. 1-5. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Darimi, Abu Muhammad Abdullah b. Bahram. t.t. *Sunan al-Darimi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nasa'i , al-Imam al-Hafiz Abu 'Abd al-Rahman Ahmad ibn Shu'aib ibn 'Ali ibn Bahr ibn Sinan ibn Dinar. 1930. *Sunan al-Nasa'i bi Sharh al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti Wa Hasiyah al-Imam al-Sundi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nasa'i, Ahmad bin Shu'aib Abu 'Abd al-Rahman. 1991. *Sunan al-Nasa'i al-Kubra*. Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Qarni, D.A (2006). *Menjadi Umat Yang Berjaya Membangun Masyarakat Ideal*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Al-Tirmidhi, al-Imam. 1994. *Sunan al-Tarmidhi*. Jilid 1-5. Beirut: Dar al-Fikr.
- as-Said al-Maghribi, A.-M. (2005). *Begini Seharusnya Mendidik Anak*. Jakarta: Darul Haq.
- Azizi Yahaya, H. M. (2009). *Modal Insan: Membentuk Keluarga Berkesan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Berkenkamp, L., Atkins, S. C., & D., P.(2001). *Teaching your Children Good Manners*. Chicago: Nomad Communication.
- Hamid, M. A. (2004). *Pedoman Lengkap Fiqh Islam*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.

- Ismail, A. A. (2004). *Koleksi Khutbah Jumaat*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Muslim, al-Imam Abu al-Husain Muslim b. al-Hajjaj b. Muslim al-Qushairi al-Naisaburi. 2001. *Sahih Muslim*. Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah.
- Othman, D. S. (2000). *Islam: Perjuangan dan Harapan*. Petaling Jaya: Yayasan Pendidikan Islam.
- Rosman, A. S. (2005). *Remaja Sukses*. Kuala Lumpur: PTS Publications.
- Sanusi, A. F. (2005). *Pedoman Pendidikan Islam Sejak Anak Dalam Kandungan Hingga Dewasa*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Zakaria, A. F. (2009). *Laluan ke Syurga Jalan Mana Pilihan Anda*. Kuala Lumpur: Pencetakan Zafar sdn. bhd.